



1103/1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Dua Jam Lima Belas Minit

**MODUL SOALAN TOPIKAL CEMERLANG
AMANJAYA**

2018

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

SET 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawasan peperiksaan*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Modul ini mengandungi 5 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan pengangkutan moden di negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan pengangkutan moden di negara kita**.
Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN PENGANGKUTAN MODEN DI NEGARA KITA



Mengurangkan kesesakan lalu lintas



Menjimatkan masa



Memberikan keselesaan kepada penumpang

Panduan Jawapan

Karangan Berpandukan Bahan Rangsangan

Soalan:

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan pengangkutan moden di negara kita.

*Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan pengangkutan moden di negara kita**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.*

Tugasan soalan : Calon dapat menghuraikan kepentingan pengangkutan moden di negara kita.

Cadangan Jawapan

1. Mengurangkan kesesakan lalu lintas
 - 1.1 jumlah kenderaan di jalan raya dapat dikurangkan
 - 1.2 penggunaan kenderaan sendiri akan berkurangan di jalan raya
 - 1.3 kesesakan lalu lintas umpama duri dalam daging
2. Menjimatkan masa
 - 2.1 Komuter, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Monorel tidak menggunakan jalan raya
 - 2.2 perkhidmatan dibina di bandar-bandar yang sesak dan kawasan tumpuan orang ramai
 - 2.3 Tidak membuang masa terperangkap dalam kesesakan lalu lintas
 - 2.4 Boleh membawa penumpang yang ramai.
3. Memberi keselesaan kepada penumpang
 - 3.1 Penumpang dapat merancang perjalanan dengan selesa.
 - 3.2 Perkhidmatan Uber atau Grab boleh dihubungi pada bila-bila masa.
 - 3.3 Memudahkan pengguna dari satu destinasi ke satu destinasi dengan lebih lancar.

Peribahasa:

1. Duduk sama rendah berdiri sama tinggi
2. Masa itu emas

Karangan Respon Terbuka

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1jam 30 minit]

Jawab soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

Setiap remaja mempunyai tanggungjawab untuk menunjukkan perasaan cinta akan negara.

Jelaskan cara-cara yang dapat anda lakukan untuk menunjukkan perasaan cinta anda terhadap negara.

Panduan Jawapan:

- a) Tugas
Murid dapat menjelaskan cara untuk menunjukkan perasaan cinta murid terhadap negara
- b) Format : Tiada
- c) Isi cadangan :
 - 1. Menyambut bulan kemerdekaan negara**
 - 1.1 memasang bendera di rumah/ basikal/ motosikal/ kereta
 - 1.2 menyertai aktiviti bulan kemerdekaan peringkat sekolah
 - 1.3 membantu pihak sekolah memasang bendera di sekitar kawasan sekolah
 - 2. Tidak terlibat dalam tingkah laku negatif / menjaga tingkah laku**
 - 2.1 tidak melakukan gejala sosial / jenayah
 - 2.2 tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah
 - 2.3 menjaga batas pergaulan
 - 2.4 tidak melakukan vandalisme
 - 3. Menjaga nama baik negara**
 - 3.1 tidak memburukkan negara dalam media sosial
 - 3.2 menyantuni pelancong / menunjukkan tingkah laku positif di hadapan pelancong
 - 4. Menjaga kebersihan alam sekitar**
 - 4.1 tidak membuang sampah di merata-rata tempat
 - 4.2 melibatkan diri dengan aktiviti memelihara alam sekitar
 - 4.3 melakukan kitar semula
 - 5. Belajar dengan bersungguh-sungguh**
 - 5.1 memanfaatkan masa untuk mengulang kaji pelajaran/ tidak membuang masa
 - 5.2 meningkatkan kecemerlangan akademik
 - 5.3 menyahut seruan kerajaan untuk menguasai pelbagai kemahiran

d) Ungkapan menarik

- i. lebah menghimpun madu
- ii. kuning oleh kunyit, hitam oleh arang
- iii. pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara
- iv. duduk meraut ranjau, tegak meninjau jarak